

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqua General Takaful Berhad ("Kami")
Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful Kebakaran Jangka Panjang . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Takaful Kebakaran Jangka Panjang Tarikh : HH/BB/TTTT

1. Apakah produk ini?

Produk ini menawarkan perlindungan kepada bangunan rumah anda (kediaman persendirian) daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep Wakalah, di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Peserta juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada kami untuk mewakili hak-hak, tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami fikirkan sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk melabur dan mengurus Dana, dengan syarat bahawa, sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan bertanggungjawab terhadap semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut terhadap peserta.

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru', di mana para peserta bersetuju untuk membayar sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling bantu membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebih dalam Dana tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, diagih 50% di kalangan peserta yang belum menamatkan sijil dan belum membuat apa-apa tuntutan di dalam tahun kewangan tersebut dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak ganjaran yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai amal jariah bagi pihak Peserta.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?

Sijil ini melindungi bangunan rumah anda (kediaman persendirian) disebabkan oleh:

- Kebakaran
- Kilat
- Letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik

Perlindungan banjir juga diperluaskan di bawah sijil asas kebakaran.

Selain itu, anda boleh memperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peril berikut dengan membayar sumbangan tambahan:

- Pemecahan atau limpahan tangki peralatan atau paip air rumah;
- Ribut dan taufan;
- Gempa bumi dan letusan gunung berapi;
- Penanggalan dan gelinciran tanah;
- Kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya.

Tempoh perlindungan adalah berdasarkan tempoh pinjaman perumahan seperti yang dipersetujui antara anda dan pemiaya kewangan perumahan anda, i.e. Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Etiqua Unit Perniagaan Kerajaan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar adalah dikira berdasarkan jumlah yang dilindungi atau manfaat tambahan yang diperlukan.

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Fi Wakalah	30% daripada sumbangan
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

Kepentingan Pendedahan

- a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- c. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Nilai Pasaran

- a. Anda perlu memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang secukupnya sepanjang masa, dengan mengambil kira pengubahsuaian dan penambahbaikan yang dilakukan. Amaun yang dilindungi mesti melindungi kos membina semula rumah anda sekiranya berlaku kerugian / kerosakan.
- b. Untuk membantu anda dalam menentukan jumlah yang dilindungi, anda boleh menggunakan anggaran kalkulator kos bangunan yang disediakan oleh Persatuan Takaful Malaysia (MTA) melalui pautan berikut: <https://bcc.malysiantakaful.com.my/>. Sila ambil perhatian bahawa anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat profesional bebas jika harta itu telah diubahsuai secara meluas dan / atau mempunyai reka bentuk yang unik / tidak standard.

Fasal Purata – Sekiranya jumlah yang dilindungi dalam sijil takaful anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda adalah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan anda akan menanggung sebahagian daripada kerugian secara berkadar.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.

7. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini?

Sijil ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pemecahan atau limpahan tangki peralatan atau paip air rumah;
- b. Ribut, puting beliung dan angin taufan;
- c. Gempa bumi dan letusan gunung berapi;
- d. Penenggelaman dan gelinciran tanah;
- e. Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa;
- f. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perang atau risiko seumpamanya;
- g. Kerosakan disebabkan oleh keganasan;
- h. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada pembiaya kewangan perumahan anda. Setelah mendapat pengesahan oleh pembiaya kewangan perumahan anda, kami akan membayar balik sumbangan berdasarkan tempoh takaful yang belum luput.

9. Apa yang patut saya buat sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pembiaya kewangan perumahan anda atau kami bagi sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa Unit Perniagaan Kerajaan

No.15 & 15A
Jalan P8G1, Presint 8
62000 Putrajaya
Wilayah Persekutuan
Nombor Telefon: +603 8861 6862 / 6772 / 6362 / 6172
Nombor Faksimile: +603 8861 6782
Email: ft.businessmgmt@etiqa.com.my

Atau anda boleh hubungi:

Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)
Aras 7, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqa.com.my
Laman Web: www.etiqa.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati

Takaful Pemilik Rumah

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI YANG BERPATUTAN. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PEMBIAYA KEWANGAN PERUMAHAN ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada HH/BB/TTTT

Pengakuan & Aqad

1. Saya telah membaca dan memahami segala isi kandungan dari permohonan ini, termasuk segala notis darinya.
2. Saya faham bahawa penyertaan dalam perlindungan tambahan (seperti yang dinyatakan dalam permohonan ini) adalah tidak wajib dan di atas budi bicara saya.
3. Saya faham dan bersetuju bahawa kontrak takaful yang saya pohon akan, selepas penilaian oleh Etiqa General Takaful, hanya akan berkuatkuasa apabila:
 - i) sumbangan penuh telah dibayar dan diterima oleh Etiqa General Takaful; dan
 - ii) apabila kontrak takaful dikeluarkan oleh Etiqa General Takaful.

Saya faham bahawa sijil akan berkuatkuasa seperti yang dinyatakan dalam sijil yang dikeluarkan kepada saya oleh Etiqa General Takaful.

4. Saya faham kegagalan menjawab soalan, atau menjawab soalan dengan salah mungkin akan menyebabkan kontrak takaful saya dibatalkan, tuntutan tidak dibayar, atau kadar-kadar dan terma-terma kontrak takaful saya diubah.
5. Saya faham bahawa kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful saya dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Etiqa General Takaful.
6. Saya faham bahawa saya mempunyai kewajipan untuk memberitahu Etiqa General Takaful serta-merta bahawa kontrak takaful ini telah dibuat, diubah atau diperbaharui, sama ada apa-apa maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah tidak tepat atau telah berubah.
7. Saya mengaku bahawa saya telah membaca Helaian Pendedahan Produk dan kontrak takaful untuk produk ini.
8. Saya bersetuju bahawa apa-apa pembayaran dari Etiqa General Takaful kepada butiran akaun yang telah saya berikan dalam permohonan ini, akan dianggap sebagai bayaran penuh dan Etiqa General Takaful akan dilepaskan dan dibebaskan sepenuhnya dari liabiliti selanjutnya dan permintaan berhubung dengan pembayaran. Saya mengesahkan bahawa butiran akaun bank adalah aktif dan diselenggarakan di Malaysia.
9. Saya faham bahawa permohonan ini adalah berkenaan dengan rumah yang diduduki untuk tujuan kediaman atau kediaman dan pejabat domestik. Tiada pembuatan atau deposit atau menyimpan barang dagangan yang dibenarkan di mana-mana bahagian rumah ini.
10. Saya mengesahkan bahawa jumlah yang dilindungi yang diperuntukkan adalah tidak kurang daripada nilai pasaran semasa bagi rumah tersebut.
11. Saya faham semua sumbangan akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.
12. Saya bersetuju untuk menyertai skim Takaful Am ini berdasarkan prinsip Takaful. Saya bersetuju untuk membayar sumbangan berdasarkan konsep Tabarru' (derma) untuk tujuan saling menyokong peserta lain dan dengan pembayaran sumbangan ini, saya berhak menerima perlindungan Takaful mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam Sijil Takaful. Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada peserta adalah dibayar daripada Dana Takaful Am (Dana) berdasarkan konsep Tabarru'.

Skim ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana saya bersetuju untuk melantik Etiqa General Takaful untuk bertindak bagi pihak saya untuk melabur dan menguruskan Dana. Dana adalah dimiliki secara kolektif oleh para peserta di mana bahagian Tabarru' bagi sumbangan ini dimasukkan bagi tujuan Takaful. Seterusnya, saya bersetuju membayar Fi Wakalah (seperti yang ditunjukkan dalam Helaian Pendedahan Produk) kepada Etiqa General Takaful, sebagai potongan daripada sumbangan, untuk menampung perbelanjaan melabur dan menguruskan Dana.

Saya juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada Etiqa General Takaful untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga yang dianggap layak oleh Etiqa General Takaful bagi tujuan mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana, dengan syarat, Etiqa General Takaful akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap saya.

Saya faham bahawa pada akhir setiap tahun kewangan, lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) dari Dana Takaful Am akan ditentukan oleh Etiqa General Takaful dan hanya akan dibayar bagi sijil tahunan.

Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Etiqa General Takaful. Saya bersetuju bahawa 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) akan dibayar kepada Etiqa General Takaful kerana mengendali dan menguruskan Dana berdasarkan kontrak Ju'alah (upah) dan baki 50% akan dikongsi dalam kalangan peserta yang mana sijilnya masih belum tamat serta belum membuat sebarang tuntutan dalam tempoh tahun kewangan tersebut.

Saya selanjutnya bersetuju bahawa jika lebihan atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar kurang dari Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), ia akan secara automatik dikreditkan ke dalam tabung kebajikan, yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak peserta. Tabung tersebut akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami untuk tujuan kebajikan.

Definisi:

“**Tabarru**” bermaksud sumbangan, derma, atau hadiah. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia bermaksud sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

“**Ju’alah**” ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkenaan dengan kontrak takaful, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada pengendali takaful (Etiqa General Takaful) yang dipersetujui terlebih dahulu oleh peserta dan pengendali takaful bagi pengurusan Dana yang baik.

“**Wakalah**” adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Berkenaan dengan kontrak takaful, ia bermaksud peserta telah melantik Etiqa General Takaful untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihaknya.

13. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Saya bersetuju dan membenarkan Etiqa General Takaful untuk memproses data peribadi saya, termasuk data peribadi sensitif, bagi tujuan mengikat kontrak takaful, dengan mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Saya memahami dan bersetuju bahawa mana-mana data peribadi yang dikumpul atau dimiliki oleh Etiqa General Takaful, sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi selepasnya, boleh dimiliki, diguna, diproses dan didedahkan oleh Etiqa General Takaful kepada individu atau organisasi yang berkaitan dan mempunyai hubungan dengan Etiqa General Takaful atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (dalam atau luar Malaysia, termasuk institusi perubatan, syarikat reinsurans/retakaful, adjuster tuntutan, penyiasat tuntutan, peguam, persatuan industri, pengawal selia, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa kerajaan), bagi tujuan memproses permohonan ini, menyediakan perkhidmatan secara berterusan yang berkaitan dengannya dan untuk berkomunikasi dengan saya bagi tujuan tersebut.

Saya faham bahawa saya berhak memperoleh akses kepada, dan memohon sebarang pembetulan data peribadi yang dipegang oleh Etiqa General Takaful berkaitan diri saya. Permohonan tersebut boleh dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan Akses yang boleh didapati di semua cawangan Etiqa General Takaful atau hubungi Etiqa General Takaful melalui e-mel di PDPA@etiqa.com.my. Saya faham bahawa mengikut peruntukan PDPA, saya boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di Etiqa Online di 1300 13 8888 untuk data peribadi saya. Maklumat tersebut hanya diberikan selepas pengesahan pengenalan saya.